

Pesilat Sarawak disambut istiadat tepung tawar

S. Harian (M)

26 JUL 1990

Oleh MISIAH TAIB *Pesilat/Silat*

PESILAT Sarawak yang mencatat kejayaan cemerlang di Sri Aman, disambut dengan istiadat tepung tawar sewaktu tiba di Perkampungan Sukan Sukma, Siol Kanan, Kuching tengah hari semalam.

Kontinjen seramai 30 pesilat lelaki dan wanita itu diketuai oleh Khairuddin Haji Hussein dan diiringi oleh kira-kira 50 penyokong serta lima jurulatih iaitu Mohd Nor Baradan, Tomaidi Yahya, Wahab Karim, Helmi Sidek dan Sarkawi Dora.

Ketibaan rombongan itu disambut oleh Pengarah Operasi Sukma ke-3, Haji Taha Arifin yang juga Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial Negeri. Haji Taha kemudian menepung tawar anggota kontinjen Sarawak yang berjaya memenangi enam pingat emas, tiga perak dan dua gangsa itu.

Tiga daripada pingat emas Sarawak itu dipe-rolehi menerusi pesilat wanitanya iaitu Hii

King Hung, Wong Hua Ling dan Nurulhuda Salleh manakala tiga lagi dimenangi oleh pesilat lelaki, Faizal Abdul Jalil, Edrus Bujang dan Dzurini Malik.

Haji Taha mengucapkan tahniah kepada kontinjen Sarawak yang berjaya mengutip enam pingat emas walaupun matlamat asal mereka hanyalah empat pingat emas.

Beliau meminta pesilat terbabit meningkatkan keupayaan masing-masing sekiranya mereka mahu melangkah hingga ke peringkat antarabangsa pada masa akan datang.

Menurutnya, kejayaan yang dicapai oleh dua pesilat wanita Cina yang mewakili kontinjen Sarawak juga membuktikan bahawa silat - seni mempertahankan diri warisan Melayu - boleh diceburi oleh semua kaum.

Sementara itu seorang daripada pemenang pingat emas, Hua Ling, berkata kejayaannya rakannya membuka jalan kepada kaum lain khususnya Cina dan India, menceburkan diri di bidang itu.